



TAMBAHAN PERUNDANGAN

ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991 [EN. 3/1991]

Phg. P.U. 18/98

KAEDAH-KAEDAH MASJID 1998

mengandungi pindaan terkini - Phg P.U. 8/2001

Tarikh penyiaran:

13 Ogos 1998

Tarikh mula kuat kuasa :

14 Ogos 1998 [Phg. P.U. 16/99]

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

Mukadimah

BAHAGIAN I - PERMULAAN

Kaedah 1. Nama dan pemakaian.

Kaedah 2. Tafsiran.

BAHAGIAN II - FUNGSI DAN PENGURUSAN MASJID

Kaedah 3. Pendaftaran Masjid Kariah

Kaedah 4. Fungsi masjid.

Kaedah 5. Pegawai Masjid.

Kaedah 6. Perlantikan Pegawai Masjid Kariah.

Kaedah 7. Kuasa Pegawai Masjid

Kaedah 8. Jawatankuasa Kariah.

Kaedah 8A. Perlantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan enam orang anggota lain.

Kaedah 9. Pemilihan anggota Jawatankuasa Kariah.

Kaedah 10. Tempoh perkhidmatan anggota Jawatankuasa Kariah.

Kaedah 11. Fungsi Jawatankuasa Kariah.

Kaedah 12. Jawatankuasa Pentadbiran Masjid Negeri dan Masjid Daerah.

Kaedah 13. Fungsi Jawatankuasa pentadbiran Masjid Negeri dan Masjid Daerah.

Kaedah 14. Fungsi Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari.

Kaedah 15. Pemeriksa kira-kira.

BAHAGIAN III - MESYUARAT

Kaedah 16. Mesyuarat agung ahli kariah.

Kaedah 17. Mesyuarat Jawatankuasa Kariah dan Jawatankuasa Pentadbiran Masjid Negeri dan Masjid Daerah.

BAHAGIAN IV - PERUNTUKAN AM

Kaedah 18. Kuasa mentadbir harta dan pendapatan.

Kaedah 19. Kegiatan masjid.

Kaedah 20. Salah faham mengenai peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

Kaedah 21. Kuasa Masjid memberi arahan.

Kaedah 22. Pemansuhan.

SENARAI PINDAAN

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 116 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen No. 3 tahun 1991*], Kebawah duli yang Maha Mulia sultan atas nasihat Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

1. Nama dan pemakaian.

(1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kedah-Kaedah Masjid 1998** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi semua masjid dalam Negeri Pahang.

2. Tafsiran.

Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

"ahli kariah" berhubung dengan sesuatu kariah masjid, ertinya seseorang yang tinggal tetap atau pada lazimnya tinggal dalam kariah masjid itu;

"Enakmen" ertinya Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991;

"Jabatan" ertinya Jabatan Agama Islam Pahang;

"Jawatankuasa Kariah" ertinya Jawatankuasa Kariah yang ditubuhkan di bawah kaedah 8;

"kariah" atau "kariah masjid" berhubung dengan sesuatu masjid, ertinya kawasan di mana masjid itu berada yang sempadannya ditetapkan di bawah seksyen 91 Enakmen;

"Majlis" ertinya Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang yang ditubuhkan di bawah seksyen 4 Enakmen;

"masjid" ertinya sesuatu bangunan yang diluluskan oleh Majlis untuk kegunaan sembahyang Jumaat dan sembahyang-sembahyang lain dan untuk kegunaan lain-lain kegiatan keagamaan;

"Masjid Daerah" ertinya masjid yang diisytiharkan oleh Majlis sebagai Masjid Daerah yang pegawai-pegawainya dibayar gaji oleh Kerajaan;

"Masjid Kariah" ertinya masjid selain daripada Masjid Negeri dan Masjid Daerah yang pegawai-pegawainya bertugas secara sukarela;

"Masjid Negeri" ertinya masjid yang diisytiharkan oleh Majlis sebagai Masjid negeri yang pegawai-pegawainya dibayar gaji oleh Kerajaan;

"Pegawai Masjid" ertinya Imam, Khatib, Bilal, dan Siak yang dilantik di bawah seksyen 93 Enakmen.

BAHAGIAN II FUNGSI DAN PENGURUSAN MASJID

3. Pendaftaran Masjid Kariah

(1) Jawatankuasa Kariah setiap Masjid Kariah hendaklah menghantar kepada Majlis butir-butir mengenai Masjid Kariah dalam kariahnya dan Majlis hendaklah memasukkan nama dan alamat serta segala butir berkaitan dengan semua Masjid Kariah dalam suatu daftar.

(2) Daftar yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah disimpan oleh Majlis.

4. Fungsi masjid.

(1) Fungsi masjid adalah seperti berikut:

(a) tempat orang-orang Islam beribadah terutamanya mendirikan sembahyang Jumaat dan sembahyang-sembahyang lain;

(b) tempat mengadakan pendidikan Agama Islam dan pendidikan-pendidikan yang memberi faedah kepada ahli kariah yang beragama Islam;

(c) tempat mengadakan sesuatu majlis perayaan yang berkaitan dengan Agama Islam;

(d) tempat mengadakan syarahan atau ceramah agama oleh pensyarah atau penceramah yang dibenarkan oleh Majlis, Jabatan atau Pegawai Agama Islam daerah, mengikut mana yang berkenaan;

(e) pusat penyebaran dakwah, maklumat, peraturan dan arahan daripada Majlis, Jabatan atau Pejabat Agama Islam Daerah;

(f) tempat mengadakan mesyuarat atau perjumpaan berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan kegiatan keagamaan; dan

(g) apa-apa jua fungsi lain yang berkaitan dengan kegiatan agama Islam sebagaimana diluluskan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

(2) Bagi maksud kaedah ini, masjid tidak boleh dijadikan tempat berkempen politik atau perbincangan politik kepartian atau apa-apa isu yang boleh membawa kepada perpecahan ummah.

5. Pegawai Masjid.

(1) Setiap masjid hendaklah mempunyai pegawai-pegawai seperti berikut:

(a) Imam;

(b) Khatib;

(c) Bilal; dan

(d) Siak.

(2) Bilangan Imam, Khatib, Bilal dan Siak bagi sesuatu masjid adalah sebagaimana ditetapkan oleh Jabatan dan diluluskan oleh Majlis.

6. Perlantikan Pegawai Masjid Kariah.

(1) Mana-mana orang yang mempunyai kelayakan sebagaimana ditetapkan oleh Majlis dan yang adalah ahli kariah dalam kariah masjid berkenaan boleh dicalonkan oleh Jawatankuasa Kariah untuk dilantik menjadi Pegawai Masjid Kariah.

(2) Senarai calon hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Agama Islam Daerah yang hendaklah menemuduga semua calon untuk memilih calon yang akan dilantik menjadi Pegawai masjid Kariah.

(3) Setelah diadakan temuduga, pegawai Agama Islam daerah hendaklah mengemukakan melalui Jabatan nama calon yang dipilih kepada Majlis untuk dilantik dan diberi tauliah sebagai Pegawai Masjid Kariah.

(4) Bagi Masjid Negeri dan Masjid Daerah, kuasa perlantikan Pegawai Masjid adalah terletak pada Masjid dan subkaedah (1), (2) dan (3) kaedah ini tidak terpakai bagi masjid-masjid itu.

7. Kuasa Pegawai Masjid

(1) Selain daripada kuasa dan tugas yang diberikan oleh seksyen 94 Enakmen dan dalam Kaedah-Kaedah ini, Pegawai Masjid hendaklah mempunyai kuasa seperti yang terkandung dalam tauliah yang diberikan oleh Majlis kepada mereka.

(2) Pada masa menjalankan tugas dan kuasa, Pegawai-pegawai Masjid hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

8. Jawatankuasa Kariah.

Masjid Kariah hendaklah ditadbirkan oleh suatu badan yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kariah yang terdiri daripada anggota-anggota berikut-

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi;
- (c) seorang Setiausaha;
- (d) seorang Bendahari;
- (e) sekurang-kurangnya tujuh tetapi tidak lebih daripada sembilan orang anggota lain; dan
- (f) Imam sebagai anggota *ex-officio*.

8A. Perlantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan enam orang anggota lain.

(1) Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan enam orang anggota lain hendaklah dipilih dan dilantik oleh Majlis dari kalangan ahli-ahli kariah.

(2) Senarai calon-calon yang hendak dipilih dan dilantik di bawah subkaedah (1) hendaklah disediakan oleh Pegawai Agama Islam Daerah.

(3) Pegawai Agama Islam Daerah hendaklah memastikan calon-calon yang disenaraikannya adalah sebenarnya ahli kariah masjid yang berkenaan dan mempunyai latar belakang yang sesuai demi perpaduan ummah.

(4) Setelah berpuas hati bahawa calon-calon yang disenaraikan adalah ahli kariah dan mempunyai latar belakang yang sesuai demi perpaduan ummah, Pegawai Agama Islam Daerah hendaklah mengemukakan senarai itu kepada Jabatan untuk perakuan.

(5) Setelah berpuas hati terhadap calon-calon yang disenaraikan oleh Pegawai Agama Islam Daerah itu dari segi latar belakang, kepastian sebagai ahli kariah dan apa-apa kriteria lain yang difikirkan wajar oleh Jabatan, maka Jabatan hendaklah memperakukan senarai itu dan mengemukakannya kepada Majlis.

(6) Jika Jabatan tidak berpuas hati dengan mana-mana calon atau kesemua calon yang disenaraikan oleh Pegawai Agama Islam Daerah, maka Jabatan hendaklah memilih sendiri calon atau calon-calon berkenaan untuk dikemukakan kepada Majlis. (7) Setelah menerima senarai itu daripada Jabatan, Majlis hendaklah memilih dan melantik Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan enam orang anggota lain dan memaklumkan perantikan itu kepada Pegawai Agama Islam Daerah melalui Jabatan.

[Mas. Phg. P.U. 8/01]

9. Pemilihan anggota Jawatankuasa Kariah.

(1) Anggota-anggota Jawatankuasa Kariah, selain daripada anggota *ex-officio*, hendaklah dipilih oleh ahli-ahli kariah dari kalangan ahli-ahli kariah dalam mesyuarat agung ahli kariah.

(2) Mana-mana ahli kariah yang berumur lapan belas tahun ke atas boleh memohon kepada Pegawai Agama Islam Daerah untuk mendaftarkan diri sebagai pemilih.

(3) Pegawai Agama Islam Daerah hendaklah memastikan pemohon berkenaan adalah sebenarnya ahli kariah sebelum mendaftarkannya sebagai pemilih.

(4) Setelah berpuas hati bahawa pemohon berkenaan adalah ahli kariah, Pegawai Agama Islam Daerah hendaklah memasukkan butir-butir diri pemohon dalam suatu Daftar Pemilih yang hendaklah disimpan oleh Pegawai Agama Islam Daerah.

(5) Dalam pemilihan anggota-anggota Jawatankuasa Kariah, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada pemilih berdaftar hendaklah hadir.

(6) Seorang ahli kariah yang dipilih oleh ahli-ahli kariah pada permulaan mesyuarat agung ahli kariah hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu bagi memilih anggota-anggota Jawatankuasa Kariah.

(7) Walau apa pun peruntukan subkaedah (1), pemilihan anggota-anggota Jawatankuasa kariah oleh ahli-ahli kariah hendaklah tertakluk kepada persetujuan Pegawai Agama Islam Daerah dan diluluskan oleh Majlis.

(8) Sekiranya Pegawai Agama Islam Daerah tidak bersetuju dengan pemilihan mana-mana anggota atau kesemua anggota Jawatankuasa Kariah atas apa jua sebab yang difikirkannya munasabah, maka Pegawai Agama Islam Daerah hendaklah memilih sendiri anggota atau anggota-anggota Jawatankuasa Kariah dan mengemukakan butir-butir lengkap yang difikirkannya wajar mengenai anggota atau anggota-anggota yang dipilihnya itu kepada Majlis untuk kelulusan.

(9) Sekiranya Majlis tidak meluluskan pemilihan mana-mana anggota atau kesemua anggota Jawatankuasa Kariah oleh ahli-ahli kariah yang dipersetujui oleh Pegawai Agama Islam Daerah,

maka majlis hendaklah mengarahkan Pegawai Agama Islam Daerah memilih sendiri anggota atau anggota-anggota yang tidak diluluskan oleh Majlis itu dan Pegawai Agama Islam Daerah hendaklah memilih dan mengemukakan butir-butir lengkap yang difikirkannya wajar mengenai anggota atau anggota-anggota yang dipilihnya itu kepada Majlis untuk kelulusan.

(10) Sekiranya Majlis tidak meluluskan pemilihan mana-mana anggota atau kesemua anggota Jawatankuasa Kariah oleh Pegawai Agama Islam daerah di bawah subkaedah (8) dan (9), maka Majlis hendaklah mengarahkan Pegawai Agama Islam Daerah mengemukakan butir-butir lengkap mengenai beberapa orang yang difikirkan layak menjadi anggota jawatankuasa Kariah kepada Masjid bagi membolehkan Majlis memilih sendiri anggota atau anggota-anggota Jawatankuasa Kariah.

10. Tempoh perkhidmatan anggota Jawatankuasa Kariah.

Tertakluk kepada subkaedah 16(3), anggota-anggota Jawatankuasa Kariah, selain daripada anggota *ex-officio*, hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

11. Fungsi Jawatankuasa Kariah.

Fungsi Jawatankuasa Kariah selain daripada yang diperuntukkan dalam subseksyen 98(2) Enakmen, adalah seperti berikut-

- (a) Membuat dan menyimpan daftar ahli-ahli kariah dan menyemak serta membetulkan daftar itu setahun sekali pada bulan Disember;
- (b) menggalakkan ahli kariah bersembahyang jemaah di masjid;
- (c) mengadakan sambutan hari-hari kebesaran Islam;
- (d) menguruskan kelas fardu ain, fardu kifayah, kuliah, syarahan, kelas Al-Quran, forum dan kegiatan-kegiatan lain yang berkaitan dengan agama Islam;
- (e) mengambil tahu dan melaporkan kepada majlis melalui Pegawai Agama Islam Daerah mengenai perkara penyelewengan akidah dan ajaran yang meragukan yang berlaku dalam kariahnya;
- (f) mengesyorkan kepada Majlis melalui Pegawai Agama Islam Daerah mengenai kebajikan masjid dan ahli kariah;
- (g) berusaha menambah kewangan dan harta modal masjid melalui usaha-usaha yang difikirkannya munasabah;
- (h) memaklumkan kepada Pegawai Agama Islam Daerah segala aktiviti dan program keagamaan yang dicadangkan hendak diadakan dalam kariahnya dan Pegawai Agama Islam Daerah boleh membuat keputusan mengenai aktiviti atau program itu; dan
- (i) menjalankan tugas yang diarahkan oleh Majlis, Jabatan atau Pejabat Agama Islam Daerah, mengikut mana yang berkenaan, dari semasa ke semasa.

12. Jawatankuasa Pentadbiran Masjid Negeri dan Masjid Daerah.

(1) Masjid Negeri dan Masjid Daerah hendaklah ditadbirkan oleh Jawatankuasa Pentadbiran yang terdiri daripada anggota-anggota berikut yang dilantik oleh Majlis atas cadangan Jabatan:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi;
- (c) seorang Setiausaha;
- (d) seorang Bendahari;
- (e) sekurang-kurangnya tujuh tetapi tidak lebih daripada sembilan orang anggota lain; dan
- (f) seorang Imam sebagai anggota *ex-officio*.

(2) Anggota-anggota Jawatankuasa Pentadbiran Masjid Negeri dan Masjid Daerah, melainkan anggota *ex-officio*, hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun tetapi Majlis mempunyai kuasa mutlak untuk membatalkan perantukan atau menukar jawatan mana-mana anggota Jawatankuasa Pentadbiran pada bila-bila masa dan untuk membuat perantukan baharu atas cadangan Jabatan.

13. Fungsi Jawatankuasa pentadbiran Masjid Negeri dan Masjid Daerah.

Fungsi Jawatankuasa Pentadbiran Masjid Negeri dan Masjid daerah adalah seperti berikut-

- (a) menggalakkan umat Islam bersembahyang berjemaah di masjid;
- (b) mengadakan sambutan hari-hari kebesaran Islam;
- (c) menguruskan kelas fardu ain, fardu kifayah, kuliah, syarahan, kelas Al-Quran, forum dan kegiatan-kegiatan lain yang berkaitan dengan agama Islam;
- (d) mengesyorkan kepada Majlis melalui Pegawai Agama Islam Daerah mengenai kebajikan masjid;
- (e) berusaha menambah kewangan dan harta modal masjid melalui usaha-usaha yang difikirkannya munasabah; dan
- (f) menjalankan tugas yang diarahkan oleh Majlis atau Jabatan dari semasa ke semasa.

14. Fungsi Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari.

(1) Pengerusi Jawatankuasa Kariah dan Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Masjid Negeri dan Masjid Daerah hendaklah-

- (a) mempengerusikan semua mesyuarat jawatankuasa dan bertanggungjawab berhubung dengan keadaan ketenteraman dan kesempurnaan mesyuarat itu;
- (b) mempunyai kuasa untuk menandatangani apa-apa surat dan dokumen lain bagi pihak Jawatankuasa dan menandatangani cek bersama dengan Bendahari; dan
- (c) mempunyai kuasa meluluskan perbelanjaan tidak melebihi RM 250.00 bagi Masjid Kariah dan RM 1,000.00 bagi Masjid Negeri dan Masjid Daerah untuk perkara mustahak dan segera dan hendaklah, dengan serta merta atau dalam masa tujuh hari dari tarikh kelulusan itu, membawa perkara itu kepada mesyuarat jawatankuasa untuk disahkan.

(2) Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kariah dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Masjid Negeri dan Masjid Daerah hendaklah menjalankan fungsi dan kuasa Pengerusi semasa Pengerusi tidak hadir dalam mesyuarat atau semasa ketiadaan Pengerusi oleh kerana apa jua sebab.

(3) Setiausaha Jawatankuasa Kariah dan setiausaha Jawatankuasa Pentadbiran Masjid Negeri dan Masjid Daerah hendaklah-

(a) memanggil mesyuarat jawatankuasa dengan persetujuan Pengerusi dan menjalankan segala keputusan yang dibuat oleh mesyuarat;

(b) menyediakan minit mesyuarat dan laporan tahunan;

(c) bertanggungjawab berkenaan dengan urusan surat-menyurat, menyimpan buku-buku, fail-fail dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan jawatankuasa; dan

(d) menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh jawatankuasa atau Pengerusi.

(4) Bendahari Jawatankuasa Kariah dan Bendahari Jawatankuasa Pentadbiran Masjid Negeri dan Masjid Daerah hendaklah-

(a) menerima dan menyimpan wang yang diserahkan kepadanya ke dalam bank yang dipersetujui oleh jawatankuasa;

(b) menyimpan akaun kewangan dengan betul dan tepat;

(c) menandatangani cek bersama dengan Pengerusi dan membuat pembayaran yang telah dipersetujui oleh jawatankuasa dengan disertakan baucar yang sah;

(d) memegang wang tunai sebanyak tidak melebihi RM 250.00 atau suatu jumlah yang difikirkan munasabah oleh jawatankuasa;

(e) membentangkan akaun perbelanjaan dalam mesyuarat jawatankuasa dan dalam mesyuarat agung ahli kariah;

(f) menyediakan senarai harta masjid untuk pemeriksaan juru audit; dan

(g) menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh jawatankuasa atau Pengerusi.

15. Pemeriksa kira-kira.

(1) Dua orang Pemeriksa Kira-Kira yang bukan dari kalangan anggota Jawatankuasa Kariah hendaklah dipilih oleh ahli kariah dari kalangan ahli kariah melalui mesyuarat agung ahli kariah.

(2) Pemeriksa Kira-Kira berkuasa-

(a) memeriksa akaun Jawatankuasa Kariah dan lain-lain dokumen perbelanjaan dari tabung masjid;

(b) membuat teguran bertulis kepada Majlis melalui Pegawai Agama Islam Daerah mengenai kepincangan pengurusan kewangan dan harta masjid; dan

(c) mengesah dan menandatangani setiap penyata kewangan sebelum dibentangkan dalam mana-mana mesyuarat.

(3) Tiada Pemeriksa Kira-Kira diperlukan bagi Masjid Negeri dan Masjid Daerah.

BAHAGIAN III MESYUARAT

16. Mesyuarat agung ahli kariah.

(1) Mesyuarat agung ahli kariah hendaklah diadakan setahun sekali untuk membentangkan laporan aktiviti dan kewangan masjid.

(2) Pemilihan anggota Jawatankuasa Kariah boleh diadakan pada setiap mesyuarat agung ahli kariah, tetapi pemilihan anggota Jawatankuasa Kariah hendaklah diadakan tiap-tiap tiga tahun sekali.

(3) Sekiranya ahli kariah gagal memilih anggota Jawatankuasa Kariah selepas tamat tiga tahun tempoh jawatan mereka, maka Pegawai Agama Islam daerah hendaklah memilih sendiri anggota Jawatankuasa Kariah dan mengemukakan kepada Majlis untuk kelulusan.

(4) Laporan aktiviti dan kewangan dalam subkaedah (1) hendaklah menerimanya dalam masa tujuh hari sebelum mesyuarat diadakan.

(5) Laporan mesyuarat agung ahli kariah hendaklah dihantar kepada Majlis dan Jabatan.

17. Mesyuarat Jawatankuasa Kariah dan Jawatankuasa Pentadbiran Masjid Negeri dan Masjid Daerah.

(1) Mesyuarat Jawatankuasa Kariah dan mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran Masjid Negeri dan Masjid Daerah hendaklah diadakan oleh Pengerusi sekurang-kurangnya empat kali setahun tetapi mesyuarat boleh diadakan pada bila-bila masa sekiranya ada perkara mustahak yang hendak dibincangkan untuk membuat sesuatu ketetapan.

(2) Minit mesyuarat yang terdahulu hendaklah dihantar kepada anggota jawatankuasa yang berkenaan bersama surat jemputan seminggu sebelum mesyuarat diadakan.

(3) Mesyuarat boleh diadakan dengan kehadiran separuh daripada anggota jawatankuasa yang berkenaan.

(4) Laporan setiap mesyuarat jawatankuasa yang berkenaan hendaklah dihantar kepada Majlis dan Jabatan.

BAHAGIAN IV PERUNTUKAN AM

18. Kuasa mentadbir harta dan pendapatan.

Jawatankuasa Kariah dan Jawatankuasa Pentadbiran Masjid Negeri dan Masjid Daerah bagi pihak Majlis hendaklah menjaga dan mentadbir harta masjid dan berhak diberi dan menerima serta menggunakan hasil pendapatan dari sumber harta masjid, wakaf khas atau wakaf am untuk faedah masjid dan yang berkaitan dengannya atau untuk kebajikan am agama dan orang-orang Islam.

19. Kegiatan masjid.

Jawatankuasa Kariah dan Jawatankuasa Pentadbiran Masjid Negeri dan Masjid Daerah hendaklah menjalankan apa-apa kegiatan bagi tujuan mencari derma dan menambah harta sebagai sumber kewangan untuk membiayai masjid dan yang berkaitan dengannya:

Dengan syarat bahawa kegiatan yang dijalankan tidak bercanggah dengan *Hukum Syarak*.

20. Salah faham mengenai peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

Majlis boleh melaksanakan apa-apa peraturan lain yang difikirkan munasabah olehnya jika berlaku salah faham mengenai peruntukan Kaedah-Kaedah ini dan pelaksanaan itu adalah muktamad serta tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

21. Kuasa Masjid memberi arahan.

Majlis boleh dari semasa ke semasa memberi arahan sama ada secara bertulis atau lisan kepada mana-mana masjid mengenai apa-apa perkara dan masjid itu adalah terikat dengan arahan sedemikian.

22. Pemansuhan.

Peraturan-Peraturan Bagi Perjalanan Masjid-Masjid Di Dalam Negeri Pahang 1967 [*Phg. P.U. 17/1967*] dan Peraturan-Peraturan (Pentadbiran) Masjid Negeri dan Masjid-Masjid Daerah 1969 [*Phg. P.U. 11/1969*] adalah dimansuhkan.

Dibuat 23 Julai 1998.
[M.U.I. Phg. 45/1/1.]

SULTAN HAJI AHMAD SHAH IBNI SULTAN ABU BAKAR,
Sultan Pahang

SENARAI PINDAAN

<i>Undang-undang yang meminda</i>	<i>Tajuk ringkas</i>	<i>Tarikh mula berkuatkuasa</i>
Phg. P.U. 16/99	Kaedah-Kaedah Masjid (Pindaan) 1999	13 Ogos 1998
Phg. P.U. 8/01	Kaedah-Kaedah Masjid (Pindaan) 2001	14 September 2001